

DIURETIK II

**Bumetanide
Amiloride
Spironolactone
Triamterene**



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE

MENGENAI ubat anda

Diuretik-diuretik bertindak pada buah pinggang untuk menyingkirkan air dan garam berlebihan daripada badan anda. Ini akan menyebabkan anda membuang air kencing dengan lebih kerap dan lebih banyak daripada keadaan biasa. Dengan mengurangkan jumlah air dalam badan, tekanan pada dinding saluran darah dan beban terhadap jantung dan arteri dapat dikurangkan.

BAGAIMANA saya mengambil ubat?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu berdasarkan pada keterukan keadaan anda. Ambil ubat ini mengikut dos yang dipreskripsikan oleh doktor anda.

Jumpa ahli farmasi anda jika anda tidak pasti cara betul untuk mengambil ubat anda.

Ambil ubat anda selepas makan kecuali diarahkan sebaliknya oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda sedang mengambil satu dos sehari, ambil ubat ini pada waktu pagi. Jika anda mengambil ubat ini 2 kali sehari, ambil dos kedua sebelum pukul 4 pm demi mencegah daripada membangunkan pada waktu malam untuk membuang air kencing.

Jika anda sedang mengambil bumetanide, ubat anda mungkin menyebabkan badan anda hilang zat kalium. Jika doktor anda telah preskripsikan kalium kepada anda seperti tablet kalium klorida, pastikan anda mengambilnya bersama-sama dengan ubat anda seperti yang diarahkan.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila panggil doktor anda untuk memeriksa dengan doktor apa yang patut anda buat.

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin untuk ubat ini?

Anda mungkin mengalami kepeningan, pitam terutamanya apabila anda bangun daripada keadaan baring atau duduk. Ini mungkin akan berlaku pada waktu pagi. Bangun dengan perlahan-lahan dapat membantu mengurangkan kesan ini tapi jika masalah ini berterusan, periksa dengan doktor anda.

Anda mungkin menjadi lemah, letih atau mempunyai rasa dahaga yang luar biasa, kekejangan otot atau kehilangan selera makan. Ini adalah tanda-tanda kalium badan yang rendah.

Kulit anda mungkin ada ruam atau menjadi peka terhadap cahaya matahari.

Periksa dengan doktor anda jika sebarang kesan sampingan di atas berlaku.

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Jika anda diarahkan untuk mengambil makanan yang kurang garam, anda patut mengikut garis panduan pemakanan dengan rapi.

Jika anda menjumpai doktor atau doktor gigi untuk sebarang sebab, pastikan anda memberitahu mereka bahawa anda sedang mengambil ubat ini.

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil setengah ubat lain, sediaan-sediaan jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.

Anda mesti memberitahu doktor anda jika anda alahan terhadap sebarang ubat-ubat lain atau jika anda berlakunya alahan semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, susah bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak, sedang hamil atau mungkin akan hamil semasa khusus rawatan.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat?

Simpan ubat di tempat yang kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan menyimpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.

